



Aset Pelancongan Luar Bandar daripada Lensa Komuniti Lembah Beriah

¹Habibah Ahmad, ¹Asmilah Hani Mohamad, ¹Hamzah Jusoh, ¹Mastura Mahmud, ²Hazita Azman,
³Norngainy Mohd Tawil, ³Shamshubaridah Ramlee, ¹Ruhaiza Abu Bakar, ¹Amirah Muhammad Zin

¹Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekutuan dan Pembangunan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Penyelidikan Kelestarian Bahasa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

³Pusat Pembangunan Keusahawanan dan EKS, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Correspondence: Habibah Ahmad (email: ha@edu.ukm.my)

Abstrak

Sektor pelancongan telah mengalami pertumbuhan yang berterusan dan menjadi salah satu sektor ekonomi yang paling berkembang pesat di dunia sekaligus menjadi pemacu utama dalam kemajuan sosioekonomi. Aset pelancongan merupakan elemen penting dalam industri pelancongan. Terdapat beberapa elemen aset pelancongan di sebuah destinasi seperti (1) tarikan (*attractions*), (2) ketersampaian (*accessibility*), (3) kemudahan (*amenities*), (4) pakej pelancongan (*available packages*), (5) aktiviti pelancongan (*activities*) dan (6) perkhidmatan sampingan (*ancillary services*). Lembah Beriah merupakan salah satu kawasan di dalam Daerah Kerian, Perak dan memiliki taburan bentuk muka bumi yang menarik dan boleh dibangunkan untuk menjadi salah satu pusat pelancongan di Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenalpasti aset pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan di Lembah Beriah. Berdasarkan kaedah kuantitatif menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 300 orang komuniti di Lembah Beriah mendapati bahawa terdapat kepelbagaiannya aset pelancongan di Lembah Beriah yang menarik dan berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan, terdiri daripada produk alam semula jadi dan buatan manusia. Aset pelancongan alam semula jadi meliputi sawah padi dan tasik sementara aset pelancongan budaya dan warisan merangkumi seni silat, kraftangan dan gastronomi setempat.

Katakunci: alam semula jadi, aset pelancongan, komuniti, Lembah Beriah, luar bandar, pelancongan

Rural Touristic Assets from the Community's Perspective of Lembah Beriah

Abstract

The tourism sector has experienced continuous growth, thus, making it as one of the fastest growing economies and a key driver of socioeconomic progress in the world. Tourism asset is an important element in the tourism industry. There are several elements of the tourism attractions in a destination such as (1) attractions, (2) accessibility, (3) amenities, (4) available packages, (5) activities and (6) ancillary services. Beriah Valley is one of the areas in Kerian District, Perak and has an interesting place that can be developed to become one of the tourist centers in Malaysia. This study aims to identify potential tourism assets to be developed as a tourism product in Beriah Valley. Based on a questionnaire survey distributed to 300 community in Beriah Valley, the results suggested that there are variety of touristic assets comprising both natural and man-made resources that can be developed. Natural resources includes paddy fields and lakes while man-made includes martial arts, handicrafts and gastronomy.

Keywords: natural resources, touristic assets, community, Beriah Valley, rural, tourism.

Pengenalan

Sektor pelancongan telah mengalami pertumbuhan yang berterusan dan menjadi salah satu sektor ekonomi yang paling berkembang pesat di dunia sekaligus menjadi pemacu utama dalam kemajuan sosioekonomi. Menurut UNWTO (2016), ketibaan pelancong antarabangsa meningkat sebanyak 4.4% pada tahun 2015 dengan jumlah keseluruhan 1,184 juta berbanding pada tahun 2014 sebanyak 1,133 juta pelancong. Prestasi kukuh sektor ini telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan di banyak tempat di dunia. Justeru itu, adalah penting bagi negara untuk mempromosikan dasar-dasar yang menggalakkan pertumbuhan pelancongan yang berterusan seperti kemudahan pelancongan, pembangunan sumber manusia dan kemampunan (UNWTO 2016).

Malahan di sesetengah negara membangun sektor pelancongan merupakan sumber utama pendapatan tukaran asing dan menjadi pendapatan bagi pelbagai kumpulan dalam masyarakat. Menurut UNWTO (2016), jika sektor pelancongan ini diuruskan dengan baik dan fokus kepada pembasmian kemiskinan, ia secara langsung dapat memberi manfaat kepada golongan miskin melalui peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan dalam perusahaan pelancongan, barang dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelancong sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara membangun.

Pelancongan merupakan antara pilihan pembangunan ekonomi bagi kebanyakan negara membangun. Malahan di sesetengah negara membangun sektor pelancongan merupakan sumber utama pendapatan tukaran asing dan menjadi pendapatan bagi pelbagai kumpulan dalam masyarakat dan komuniti luar bandar (Shui Wei et al 2012; Vesna et al. 2014; Tosun 2000; Liedewij & Breugel. 2013; Salleh et al., 2013). Menurut UNWTO (2016), jika sektor pelancongan ini diuruskan dengan baik dan fokus kepada pembasmian kemiskinan, ia secara langsung dapat memberi manfaat kepada golongan miskin melalui peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan dalam perusahaan pelancongan, barang dan perkhidmatan yang disediakan kepada pelancong sekaligus dapat mengurangkan kadar kemiskinan di negara membangun. Hal ini telahpun dikemukakan dalam kajian terdahulu seperti yang dilakukan oleh Liedewij & Breugel 2013, Vesna et al. 2014).

Di Malaysia, sektor pelancongan juga merupakan pendorong utama dalam pembangunan luar bandar dan juga bandar (Nur Atiqah et al. 2015; Afifah 2013; Fatimah Hassan 201, Habibah Ahmad et al., 2012). Walau terdapat pelbagai produk pelancongan seperti homestay, pantai dan makanan di kawasan ini, masih banyak kawasan luar bandar yang belum diterokai (Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor, 2005; Jabil Mapjabil et al 2012, 2011; Mohd Jirey et al 2015). Salah satu daripadanya ialah Lembah Beriah, yang kedudukannya agak terpencir daripada arus perdana pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kawasan ini dikatakan kurang mendapat perhatian pihak pelaksana kerana ia dianggap sebagai kawasan yang sukar dihubungi melalui jalanraya. Pun begitu dengan adanya jalan penghubung daripada Lebuhraya Utara Selatan, kini, kawasan ini sebenarnya mempunyai tarikan yang berupaya menarik lebih ramai pelancong. Walau bagaimanapun, hal ini tidak menonjol kerana tiada kajian komprehensif tentang aset pelancongan luar bandar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aset pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai produk pelancongan luar bandar, khususnya di Lembah Beriah. Skop kajian menfokuskan kepada pemetaan aset pelancongan dan pendekatan untuk membangunkan aset ini sebagai produk pelancongan. Aset pelancongan yang boleh dibangunkan sebagai produk pelancongan dapat memajukan kawasan Lembah Beriah sekaligus memberi kesan yang positif kepada komuniti setempat.

Tinjauan Literatur

Aset pelancongan yang menarik dan menepati citarasa pelancong adalah penting. Hal ini kerana sesuatu aset pelancongan itu mampu memberi pengalaman terbaik kepada pelancong. Malahan pelancong juga akan datang semula ke destinasi tersebut sebagai pelancongan ulangan. Hal ini dibuktikan oleh Harifah Mohd Noor et al. (2015) yang menyatakan bahawa lawatan ulangan adalah penting dalam bidang perancangan dan pemasaran pelancongan serta menyumbang kepada pendapatan ekonomi sesebuah negara. Pelancongan ulangan juga digunakan sebagai ‘petunjuk’ untuk mengenalpasti ciri tarikan yang mendorong seseorang pelancong untuk berkunjung ke sesuatu

destinasi. Terdapat perbezaan pendapat antara pelancong ulangan dengan pelancong pertama kali terhadap aset pelancongan di sesebuah destinasi. Pelancong pertama kali lebih cenderung kepada kebudayaan, alam semulajadi dan kemudahan penginapan manakala pelancong ulangan pula mementingkan makanan, kemesraan penduduk dan hiburan.

Aset pelancongan merupakan elemen penting dalam industri pelancongan. Terdapat beberapa elemen aset pelancongan di sesebuah destinasi. Destinasi menawarkan gabungan produk dan perkhidmatan pelancongan yang direka untuk memenuhi keperluan para pelancong. Berdasarkan Buhalis (2000) terdapat enam elemen aset pelancongan atau ‘Six A’s Framework for Analysis Tourism Destination’ yang mendasari sesebuah destinasi pelancongan merangkumi (1) *attractions*, (2) *accessibility*, (3) *amenities*, (4) *available packages*, (5) *activities* dan (6) *ancillary services* (Rujuk Jadual 1).


Jadual 1. Elemen aset pelancongan

Elemen	Huraian
Attractions (Tarikan)	Semulajadi, warisan, budaya, buatan manusia, majlis keraian atau acara istimewa
Accessibility (Ketersampaian)	Sistem perhubungan- jalan, pengangkutan
Amenities (Kemudahan)	Penginapan, peruncitan dan kemudahan makanan
Available packages (Pakej pelancongan)	Susunan pakej pelancongan oleh pihak berkepentingan
Activities (Aktiviti pelancongan)	Semua aktiviti yang akan dilakukan oleh pelancong seperti mendaki, melihat pemandangan, tarian, memancing dan lain-lain.
Ancillary services (Perkhidmatan sampingan)	Perkhidmatan yang akan digunakan oleh pelancongan seperti bank, hospital, pos dan tukaran wang asing.

Sumber: Buhalis 2000, 2003.

Seterusnya, berdasarkan Smith (1994) pula terdapat lima elemen dalam produk pelancongan iaitu (1) aspek fizikal (*physical plant*), (2) perkhidmatan (*service*), (3) hospitaliti (*hospitality*), (4) kebebasan membuat pilihan (*freedom of choice*) dan (5) penglibatan (*involvement*). Smith mengemukakan satu model bagi menjelaskan tentang kepentingan elemen-elemen ini dalam bentuk bulatan (Rujuk Rajah 2.1). Kekuatan atau pentingnya sesuatu elemen itu dilihat dari dalam teras bulatan iaitu *physical plant* atau aspek fizikal ke elemen yang paling luar iaitu *involvement* atau penglibatan. Aspek fizikal merupakan produk utama destinasi pelancongan yang terdiri daripada sumber alam semulajadi dan kemudahan seperti tempat penginapan dan pengangkutan yang memberi makna kepada pelancongan. Elemen kedua yang menyumbang kepada aset pelancongan adalah perkhidmatan seperti pengurusan hotel, penyambut tetamu, penyelenggaraan serta makanan dan minuman yang memberi fungsi kepada sesebuah hotel tersebut.

Elemen ketiga iaitu hospitaliti merujuk kepada kualiti perkhidmatan atau sikap dan gaya di mana tugas dilakukan serta sambutan alu-aluan oleh penduduk tempatan kepada pelancong yang tiba dalam sesebuah komuniti (Smith 1994). Elemen keempat pula iaitu kebebasan membuat pilihan merujuk kepada keperluan pelancong untuk membuat pilihan bagi mendapatkan pengalaman yang memuaskan. Tahap kebebasan pilihan akan berbeza mengikut keperluan pelancong samada melancong untuk keseronokan, perniagaan atau kedua-duanya. Kebebasan membuat pilihan juga bergantung kepada bajet, pengalaman dan pengetahuan pelancong. Elemen yang terakhir adalah penglibatan iaitu merujuk kepada asas bagi penyertaan yang berjaya oleh pengguna dalam menghasilkan produk pelancongan adalah gabungan antara aspek fizikal, perkhidmatan yang baik, hospitaliti dan kebebasan untuk memilih. Elemen-elemen memberi kesan kepada penglibatan fizikal, intelek atau emosi dalam perkhidmatan pelancongan. Dalam pelancongan, penglibatan bukan sekadar penyertaan fizikal (secara langsung) tetapi memberi tumpuan kepada aktiviti juga merupakan penglibatan secara tidak langsung.



Rajah 1. Elemen produk pelancongan

Sumber: Smith 1994

Terdapat dua komponen yang membuatkan sesebuah destinasi itu menarik iaitu elemen primer dan elemen sekunder. Elemen primer adalah komponen persekitaran fizikal semula jadi dan komponen kebudayaan seperti cuaca, ekologi dan tradisi. Elemen sekunder pula adalah komponen yang dikaitkan dengan kemudahan atau prasarana yang diwujudkan untuk keperluan pelancong. Kedua-dua elemen ini memberi kesan terhadap pengalaman pelancong apabila melawat sesebuah destinasi.

Selain itu, Murphy et al. (2000) menyatakan bahawa pengalaman pelancong di destinasi dipengaruhi oleh hasil penggunaan atau pendedahan kepada dua elemen destinasi iaitu infrastruktur perkhidmatan dan persekitaran destinasi yang menarik. Sebuah destinasi pelancongan haruslah menawarkan persekitaran yang stabil untuk menarik pelancong sekaligus dilengkapi dengan infrastruktur perkhidmatan yang berfungsi dengan cekap. Penawaran kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air, jaringan perhubungan dan komunikasi, kemudahan penginapan, restoran, rekreasi dan hiburan juga adalah penting dalam menarik pelancong untuk datang ke destinasi. Terdapat perkaitan yang rapat antara destinasi dan pelancong serta pelancongan.

Hal ini kerana destinasi merupakan tempat yang terdapat prasarana dan kemudahan khusus untuk memenuhi kehendak pelancong serta mempunyai daya tarikan yang tersendiri seperti aset pelancongan alam semulajadi, budaya dan warisan, homestay dan aktiviti lawatan bagi mendorong pelancong untuk datang ke destinasi tersebut. Aset pelancongan di sesebuah destinasi dapat mempengaruhi pengalaman dan emosi pelancong. Pengalaman pelancong adalah berkait dengan hasil interaksi mereka dengan prasarana di destinasi yang memberi kesan kepada emosi sekaligus mempengaruhi kepuasan lawatan. Tarikan pelancong juga boleh dikategorikan mengikut ciri fizikal sama ada bersifat tetap, sementara atau berubah-ubah (Basri Rashid 2013). Tarikan tetap bermaksud tempat tarikan pelancong yang mempunyai tapak kekal dan mempunyai ciri fizikal seperti bangunan bersejarah atau alam semula jadi. Tarikan sementara pula dalam bentuk pengelolaan acara atau majlis dan dijalankan berdekatan lokasi menarik atau mudah dikunjungi pelawat.

1) Pelancongan Alam Semulajadi

Aset semula jadi yang berasaskan alam sekitar atau budaya menjadi sebahagian prasyarat dalam memajukan sektor pelancongan. Apabila ia menjadi motif utama kunjungan pelancong ke sesebuah destinasi ini menunjukkan bahawa faktor ini berterusan menjadi penting dalam pelancongan. Aset semula jadi ini juga mendapat perhatian kerajaan dan penyelidik apabila kesedaran masyarakat global terhadap kepentingan penjagaan alam sekitar dan warisan budaya mula meningkat. Pengurusan yang

terancang dan menyeluruh haruslah dijalankan bagi memastikan pembangunan pelancongan dijalankan secara lestari (Habibah Ahmad et al. 2013).

Selain itu, aset semulajadi juga merupakan sumber pencarian pengalaman dalam kalangan pelancong. Menurut Habibah Ahmad et al. (2013), Pahang merupakan salah sebuah negeri yang mempunyai kepelbagaian aset semulajadi yang mampu menjadi tarikan pelancongan. Persekutaran aset semulajadi merupakan sumber asas bagi pembangunan produk pelancongan. Antara aset semulajadi yang menarik di Pahang adalah Tasik Chini dan Sungai Pahang yang mempunyai aset persekitaran air terjun, gunung-ganang, hutan tropika dan perkampungan Orang Asli. Ciri-ciri aset semulajadi terdiri daripada tarikan seperti pemandangan indah seperti sinaran matahari, panorama laut dan pantai sehingga kepada tempat yang belum diterokai oleh manusia yang membolehkan dimensi produk dan pengalaman pelancongan berkaitan alam sekitar dipelbagaikan (Habibah Ahmad et al. 2013).

2) Ekopelancongan

Produk ekopelancongan adalah antara pelancongan yang menarik perhatian pelancong untuk datang ke Malaysia. Berdasarkan Er Ah Choy et al. (2012), ekopelancongan adalah pelancongan yang memberi impak minimum serta menyumbang kepada pengekalan habitat dan spesies hidupan secara langsung dan tidak langsung termasuklah pengekalan kebudayaan masyarakat tempatan di samping dapat meningkatkan taraf sosioekonomi mereka. Pembangunan projek ekopelancongan dapat menyediakan pelbagai peluang pekerjaan kepada komuniti setempat seperti mengusahakan perniagaan chalet, produk makanan tradisional, projek pertanian, perubatan berasaskan herba atau sebagai pemandu pelancong dan pengawal hutan. Walau bagaimanapun, penduduk setempat perlu memahami konsep ekopelancongan dan berusaha melibatkan diri dalam projek ekopelancongan kerana komuniti setempat bakal menerima kesan pembangunan sama ada secara langsung atau tidak langsung (Er Ah Choy et al. 2012).

3) Agropelancongan

Menurut Norafidah Ismail (2012), agropelancongan atau dikenali sebagai pelancongan tani adalah gaya atau aktiviti pelancongan yang berasaskan kegiatan pertanian, perikanan dan penternakan. Pelancongan berasaskan pertanian diperkenalkan oleh kerajaan adalah untuk menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan dalam sektor pelancongan serta memperkenalkan sumber-sumber pertanian yang terdapat di Malaysia. Hal ini dapat dicapai sekiranya terdapat kerjasama antara pihak masyarakat yang terdiri daripada petani, penternak dan nelayan dengan pihak kerajaan (Haslina 1994).

Pembangunan agropelancongan di Malaysia lebih tertumpu kepada program *farmstay* atau homestay yang merupakan pelancongan desa dengan memperkenalkan aktiviti kebudayaan, makanan serta permainan tradisional masyarakat setempat serta pelancong juga dapat menikmati pelbagai pengalaman di desa yang unik lagi mendamaikan (Norafidah Ismail 2012).

4) Pelancongan Budaya Dan Warisan

Menurut Mohamed Anwar Omar Din dan Zulayti Zakaria (2011), pelancongan budaya merujuk kepada aktiviti yang berkait rapat dengan aspek warisan, tradisional, legasi lama dan juga cara hidup masyarakat masa kini yang ditawarkan sebagai produk dalam pasaran pelancongan. Selain itu, pelancongan budaya juga dilihat sebagai kecenderungan, penglibatan, aktiviti yang dijalankan dan pengalaman yang diperoleh oleh pelancong di sesbuah destinasi yang menawarkan produk budaya itu.

Pelancongan budaya dan warisan merupakan salah satu daya tarikan untuk pelancong melawat sesbuah kawasan. Perbezaan budaya dan warisan mendorong sifat ingin mengetahui dengan lebih mendalam budaya dan warisan tempatan sama ada dengan pemerhatian atau mengalami sendiri. Pelancongan budaya ini dapat disimpulkan sebagai pergerakan seseorang ke tempat tarikan budaya sama ada budaya itu ‘tinggi’ mahupun ‘rendah’ demi untuk mendapat pengetahuan, pengalaman dan

menguatkan daya apresiasinya. Budaya tinggi adalah seperti sastera bertulis, muzik klasik dan artifak bermutu tinggi dan halus manakala budaya rendah pula adalah budaya rakyat yang tinggi di luar kota tidak berkuasa dan buta huruf (Habibah Ahmad et al. 2011).

Sementara itu Mohamed Anwar Omar Din dan Zulayti Zakaria (2011) merujuk produk pelancongan budaya di Malaysia sebagai merangkumi kehidupan masyarakat majmuk itu sendiri, kehidupan di pasar (street culture), Chinatowns, Little India, kehidupan desa di sawah padi dan nelayan, gerai makanan tempatan, majlis perkahwinan dan hari perayaan. Kesemua ini dapat menarik pelancong untuk datang ke Malaysia kerana pelancongan budaya mempunyai tarikan tersendiri yang unik dan istimewa.

Penawaran dan permintaan pelancongan budaya di Malaysia yang pelbagai menarik minat pelancong untuk datang ke Malaysia. Berdasarkan Habibah Ahmad et al. (2011), pelancongan budaya merupakan salah satu tarikan utama dalam pembangunan produk pelancongan. Pelancongan budaya juga terjelma dalam konteks budaya tampak (*tangible*) dan bukan tampak (*intangible*) dalam pelbagai aspek penawaran pelancongan di negeri-negeri yang berada dalam Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER). Negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu merupakan kawasan yang kaya dengan produk budaya tempatan yang masih lagi bertahan dan dikenali pelancong luar mahupun domestik.

Seterusnya, Melaka merupakan kawasan pelancongan tapak warisan dunia yang diiktiraf oleh UNESCO. Berdasarkan Er Ah Choy (2013), kebanyakan pelancong memilih Melaka sebagai destinasi percutian keluarga kerana terdapat banyak khazanah warisan nasional dan pelbagai tapak sejarah di negeri tersebut. Bangunan warisan seperti A-Famosa, Stadhuis dan rumah-rumah kedai tradisional dalam bandar masih terpelihara dengan mengekalkan nilai estetikanya. Tarikan lain adalah budaya masyarakat Kampung Morten seperti tarian dan muzik tradisionalnya serta kesenian puppet show dan batik yang menarik pelancong. Pelancong juga berpendapat bahawa penduduk tempatan seperti peniaga, pengusaha homestay dan pemandu pelancong berbudi bahasa dan peramah serta menghargai pelancong (Er Ah Choy 2013).

Metodologi

Kajian ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan komuniti dan pemetaan aset pelancongan di Lembah Beriah yang mempunyai sembilan buah kampung iaitu Kampung Parit Haji Kassim, Kampung Parit Lebai Kadir, Kampung Parit Haji Ali, Kampung Parit Haji Taib, Kampung Batu 38, Kampung Simpang Lima, Kampung Matang Pasir, Kampung Changkat Lobak dan Bukit Merah. Reka bentuk kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang diperolehi daripada kaedah pemerhatian dan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden di kawasan kajian. Manakala data sekunder pula adalah laporan rasmi kerajaan dan artikel berkaitan pelancongan, penglibatan komuniti dan pendekatan bagi keterlibatan komuniti dalam pelancongan.


Populasi kajian terdiri daripada komuniti Kampung Parit Haji Kassim, Kampung Parit Lebai Kadir, Kampung Parit Haji Ali, Kampung Parit Haji Taib, Kampung Batu 38, Kampung Simpang Lima, Kampung Matang Pasir, Kampung Changkat Lobak dan Bukit Merah yang berjumlah 14200 orang. Berdasarkan Jadual Saiz Sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) jumlah populasi (N) yang paling hampir dengan 14200 adalah 15000. Oleh itu, saiz sampel kajian (S) ini adalah sebanyak 375. Sampel kajian ini merupakan responden yang akan menjawab borang soal selidik yang diedarkan bagi mendapatkan maklumat yang kehendaki. Sasaran sampel kajian adalah sebanyak 375 responden tetapi semasa kajian dijalankan pengkaji hanya memperolehi responden sebanyak 300 orang sahaja. Jadual 2 menunjukkan sasaran sampel kajian dan jumlah sebenar responden mengikut kampung yang terdapat di Lembah Beriah.

Jadual 2. Sasaran sampel dan jumlah sebenar responden

Nama Kampung	Bilangan Sasaran Responden	Jumlah Bilangan Responden Sebenar
Bukit Merah	42	31
Changkat Lobak	41	26
Batu 38	42	36
Simpang Lima	42	32
Permatang Pasir	41	30
Parit Haji Lebai Kadir	42	38
Parit Haji Ali	42	34
Parit Haji Taib	41	25
Parit Haji Kassim	42	48
Jumlah keseluruhan	375	300

Instrumen kajian pula adalah borang soal selidik yang diedarkan kepada responden dengan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Borang soal selidik dalam kajian ini mempunyai beberapa bahagian dan terbahagi kepada dua jenis soalan iaitu soalan tertutup serta soalan terbuka. Soalan tertutup dibahagikan pula kepada dua jenis iaitu data nominal dan data ordinal iaitu menggunakan Skala Likert satu hingga lima. Bagi data nominal pula responden hanya perlu memilih jawapan yang sesuai dengan menandakan (/). Teknik persampelan bertujuan ini merupakan salah satu jenis teknik dalam kumpulan persampelan bukan kebarangkalian (*non-probability sampling*). Persampelan ini bergantung kepada pertimbangan pengkaji untuk memilih responden yang bersesuaian dengan tujuan kajian. Pengkaji haruslah mengenalpasti responden atau unit analisis yang sesuai bagi mencapai objektif kajian. Jadi unit analisis bagi kajian ini adalah komuniti Lembah Beriah.

Seterusnya, pengumpulan data bagi mencapai objektif kajian ini telah dilaksanakan melalui empat fasa oleh pengkaji iaitu pada fasa satu pengkaji berjumpa dengan penghulu dan ketua-ketua kampung Lembah Beriah bagi menjelaskan tujuan kajian sekaligus mendapatkan maklumat daripada mereka. Bagi fasa dua kaedah pengedaran borang soal selidik dan *interview scheduled* bersama beberapa orang penduduk di kawasan kajian iaitu di Kampung Parit Haji Kassim, Kampung Parit Lebai Kadir, Kampung Parit Haji Ali, Kampung Batu 38, Kampung Simpang Lima, Kampung Matang Pasir, Kampung Changkat Lobak dan Bukit Merah dengan bantuan ketua kampung dijalankan. Borang soal selidik diedarkan kepada penduduk kampung untuk dijawab dan kemudian dikumpul semula untuk dianalisis. Manakala *interview scheduled* pula adalah sebagai survey bagi mengukuhkan maklumat yang diperolehi. Fasa tiga pula pengkaji menjalankan pemerhatian iaitu melihat kawasan kajian secara keseluruhan bagi mengenalpasti aset-aset pelancongan serta mengambil gambar aset alam semulajadi sebagai maklumat tambahan. Fasa ke empat iaitu fasa terakhir adalah pengumpulan borang soal selidik dan analisis hasil kajian yang diperolehi daripada borang soal selidik.



Rajah 2. Prosedur pengumpulan data

Dapatan dan Perbincangan

Bahagian ini membincangkan profil responden yang meliputi tempoh menetap, kategori responden, umur, jantina, status perkahwinan, kaum, agama, tahap pendidikan dan bilangan isi rumah. Profil responden ini adalah penting bagi mengetahui dengan lebih jelas siapa responden dalam kajian ini.

Responden kajian terdiri daripada penduduk kampung yang berumur 18 tahun ke atas. Majoriti responden 65% (196) merupakan ketua isi rumah manakala 18% (54) responden adalah golongan wanita. Responden belia pula adalah sebanyak 17% (50). Ini menunjukkan bahawa kategori responden adalah pelbagai, sekaligus, membolehkan maklum balas yang berbeza dari segi pengetahuan dan pandangan.

Daripada segi umur, majoriti responden 27.3% (82) berada dalam lingkungan 41 tahun hingga 50 tahun (Rujuk jadual 3). Responden paling muda pula sebanyak 21.7% (65) iaitu dalam lingkungan 18 tahun hingga 30 tahun manakala responden paling tua berumur 71 tahun ke atas sebanyak 4.3% (13). Majoriti responden juga terdiri daripada lelaki iaitu 71% (213) manakala sebanyak 29% (87) adalah perempuan. Ini selari dengan kategori responden iaitu majoriti adalah ketua isi rumah yang kebanyakannya lelaki.

Bagi status perkahwinan pula, majoriti responden 70% (209) telah berkahwin manakala sebanyak 22% (67) responden masih bujang dan sebanyak 8% (24) responden pula bercerai atau kematian pasangan. Bagi kaum dan agama, majoriti responden merupakan Melayu dan beragama Islam iaitu sebanyak 99% (298) manakala hanya 1% (2) responden adalah India dan beragama Hindu. Hal ini kerana majoriti penduduk Lembah Beriah adalah Melayu dan beragama Islam.

Tahap pendidikan menunjukkan hampir separuh daripada keseluruhan responden 44.3% (133) mempunyai Pendidikan Menengah Rendah (PMR) dan pendidikan sekolah rendah. Bagi pendidikan

tertinggi pula sebanyak 7.3% (22) responden mempunyai ijazah manakala sebanyak 1.7% (5) responden mempunyai pendidikan lain-lain seperti kemahiran Giatmara dan vokasional.

Jadual 3. Profil responden

Perkara	Kekerapan (f)	Peratus (%)
Kategori		
Ketua isi rumah	196	65.3
Wanita	54	18.0
Belia	50	1.7
Umur (tahun)		
18-30	65	21.7
31-40	47	15.7
41-50	82	27.3
51-60	64	21.3
61-70	29	9.7
71 ke atas	13	4.3
Jantina		
Lelaki	213	71.0
Perempuan	87	29.0
Status Perkahwinan		
Berkahwin	209	69.7
Bercerai/ kematian pasangan	24	8.0
Bujang	67	22.3
Bangsa		
Melayu	298	99.3
Cina	-	-
India	2	0.7
Agama		
Islam	298	99.3
Kristian	-	-
Hindu	2	0.7
Tahap Pendidikan		
PMR dan ke bawah	133	44.3
SPM	120	40.0
STPM/ Matrikulasi	9	3.0
Diploma	11	3.7
Ijazah dan ke atas	22	7.3
Lain-lain	5	1.7
Pendapatan Ketua Isi Rumah		
Bawah RM 500	18	6.0
RM 501-RM 1000	107	35.7
RM 1001-RM 1500	80	26.7
RM 1501-RM 2000	25	8.3
RM 2001-RM 2500	4	1.3
RM 2501-RM 3000	9	3.0
RM 3001 ke atas	6	2.0
Tidak berpendapatan	51	17.0
Bidang Pekerjaan		
Pertanian	109	36.3
Perkilangan	35	11.7
Perniagaan	15	5.0
Pembinaan/ Pertukangan	13	4.3
Perkhidmatan	56	18.7
Lain-lain	24	8.0
Tidak bekerja	48	16.0

Seterusnya, bagi pendapatan ketua isi rumah majoriti responden 35.7% (107) mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM 501 hingga RM1000 dan 26.7% (80) responden mempunyai pendapatan dalam lingkungan RM 1001 hingga RM 1500. Manakala sebanyak 2% (6) responden mempunyai pendapatan tertinggi iaitu RM 3001 dan ke atas. Bagi bidang pekerjaan pula majoriti responden 45% (135) bekerja sendiri dan sebanyak 26.3% (79) responden bekerja dalam sektor swasta. Manakala sebanyak 16% (48) responden tidak bekerja yang terdiri daripada golongan wanita. Justeru itu, majoriti responden 36.3% (109) bekerja dalam bidang pertanian dan sebanyak 18.7% (56) responden bekerja dalam bidang perkhidmatan. Manakala hanya sebanyak 4.3% (13) responden bekerja dalam bidang pembinaan atau pertukangan.

Aset Pelancongan

Hasil kajian mendapati sumber aset pelancongan sedia ada di Lembah Beriah terdiri daripada pelbagai jenis aset pelancongan yang berpotensi sebagai produk pelancongan sekaligus memperkasakan industri pelancongan di Lembah Beriah (Jadual 4).

i) Alam semulajadi

Aset pelancongan alam semulajadi menunjukkan keseluruhan peratusan sebanyak 46.76% iaitu pada tahap yang sederhana. Aset alam semulajadi sungai dan udang galah adalah pada tahap yang sederhana manakala sawah padi dan parit pada tahap sederhana tinggi. Hal ini kerana komuniti setempat tidak membangunkan aset alam semulajadi ini sebagai produk pelancongan. Komuniti setempat menjalankan pertanian sawah padi sebagai punca pendapatan dan memancing di sungai pada masa lapang. Namun, terdapat juga orang luar yang datang ke Lembah Beriah untuk memancing di Sungai Kerian yang menyusuri Kampung Parit Haji Kassim, Kampung Simpang Lima dan Kampung Permatang Pasir kerana kaya dengan hidupan sungai seperti udang galah dan ikan lampam, toman, baung dan talapia. Aset pelancongan alam semulajadi ini tidak dipromosikan kepada masyarakat luar sebagai produk pelancongan. Walau bagaimanapun, aset alam semulajadi ini berpotensi dimajukan sebagai produk pelancongan homestay dengan pakej-pakej yang menarik.



Rajah 3. Sawah padi dan kelapa sawit



Rajah 4. Sungai dan udang galah

ii) Budaya dan Warisan

Seterusnya, aset pelancongan budaya dan warisan yang terkenal di Lembah Beriah adalah silat yang terdapat di Kampung Bukit Merah, Kampung Changkat Lobak dan Kampung Batu 38. Aset budaya dan warisan seperti berpokong bayi yang merupakan adat bagi masyarakat Banjar juga masih diteruskan oleh generasi muda di Kampung Parit Haji Lebai Kadir, Parit Haji Taib dan Parit Haji Ali. Majlis keraian seperti majlis perkahwinan, pertunangan, berkhatan dan majlis hari raya juga masih diteruskan bersama komuniti setempat bagi meneruskan budaya dan warisan nenek moyang. Aset pelancongan budaya dan warisan mempunyai peratusan keseluruhan sebanyak 52.1% iaitu pada tahap yang sederhana. Hal ini kerana komuniti setempat yang tinggal di kampung lain tidak mengetahui sama ada aset budaya dan warisan silat dan berpokong bayi masih dipelihara di Lembah Beriah ini. Pertunjukkan silat hanya diadakan pada majlis perkahwinan manakala berpokong bayi pula merupakan adat masyarakat Banjar sahaja bagi menghentikan tangisan bayi. Walau bagaimanapun, aset budaya dan warisan ini jika terus dipelihara dan dibangunkan mampu menjadi tarikan pelancong kerana keunikannya yang tersendiri.



Rajah 5. Kumpulan silat dan berpokong bayi

Jadual 4. Aset Pelancongan

Aset Pelancongan	Sangat Rendah (19% ke bawah)	Rendah (20% - 39%)	Sederhana (40% - 59%)	Sederhana Tinggi (60% - 79%)	Tinggi (80% - 100%)	Keseluruhan
Alam semulajadi	- bukit - dusun buah	- tasik - hutan - ikan arowana	- sungai - udang galah	- sawah padi - parit	- kelapa sawit	46.76% SEDERHANA
Budaya dan warisan		- silat - berpokong bayi			- majlis keraian	52.1% SEDERHANA
Hasil kraftangan	- bedak sejuk - bakul - tikar			- alatan tangkapan ikan		25.75% RENDAH
Permainan tradisional	- galah panjang	- guli - gasing - layang-layang			- memancing	37.46% RENDAH
Makanan tradisional			- kalakatar - ikan wadi - kuih bangkit - kuih karas	- wadai kiping - pulut hitam - dodol - kuih bahulu	- tinggi	62.06% SEDERHANA TINGGI
Perubatan tradisional	- minyak angin	- urutan				20.85% RENDAH
Industri Kecil dan Sederhana (IKS)		- rempeyek - kuih tradisional - tongkol kayu	- ikan pekasam			35.33% RENDAH
Kearifan tempatan		- nasi apollo - pertukangan		- rewang	- memasak cara kampung	53.5% SEDERHANA

iii) Hasil Kraftangan

Aset pelancongan hasil kraftangan pula adalah pada tahap yang rendah dengan peratusan keseluruhan sebanyak 25.7%. Antara hasil kraftangan yang sangat rendah adalah bedak sejuk, bakul dan tikar. Ini menunjukkan bahawa tidak ramai komuniti setempat yang terlibat dalam hasil kraftangan. Namun, hasil kraftangan alatan tangkapan ikan adalah pada tahap yang sederhana tinggi kerana Lembah Beriah mempunyai sungai dan parit. Jadi komuniti setempat lebih cenderung untuk memancing dan menghasilkan alatan tangkapan ikan yang tersendiri. Golongan wanita juga akan memancing di parit-parit pada musim-musim tertentu bagi menangkap ikan sepat dan puyu.



Rajah 6. Kraftangan bunga kertas



Rajah 7. Kraftangan bakul rotan

iv) Permainan Tradisional

Aset pelancongan permainan tradisional juga mempunyai keseluruhan peratusan yang rendah iaitu sebanyak 37.46%. Permainan tradisional seperti galah panjang adalah pada tahap yang sangat rendah manakala permainan tradisional seperti guli, gasing dan layang-layang adalah pada tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa permainan tradisional ini di Lembah Beriah tidak menjadi pilihan oleh generasi muda pada masa kini. Seperti yang kita ketahui pada masa kini terdapat pelbagai jenis permainan atau ‘games’ secara atas talian yang lebih diminati oleh mereka. Aset pelancongan permainan tradisional ini masih ada namun tidak mendapat sambutan dan dipelihara oleh generasi muda. Oleh sebab itu, komuniti setempat haruslah mencari inisiatif bagi membangunkan permainan tradisional di Lembah Beriah sebagai salah satu produk pelancongan yang menarik kerana Lembah Beriah mempunyai persekitaran alam semulajadi yang cantik.



Rajah 8. Aktiviti memancing

v) Makanan Tradisional

Selain itu, aset pelancongan makanan tradisional juga berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan utama di Lembah Beriah. Hal ini kerana terdapat pelbagai makanan tradisional daripada masyarakat Banjar dan Melayu yang unik dan tersendiri. Keseluruhan peratusan bagi aset pelancongan makanan tradisional juga adalah sebanyak 62.06% iaitu pada tahap sederhana tinggi. Antara makanan tradisional yang mempunyai peratusan sederhana tinggi adalah wadai kiping iaitu makanan masyarakat Banjar, bubur pulut hitam, dodol dan bahulu (Rajah 9). Makanan tradisional pada tahap sederhana pula adalah kalakatar, ikan wadi, kuih bangkit dan kuih karas. Ini menunjukkan bahawa makanan tradisional ini masih menjadi pilihan komuniti setempat. Makanan tradisional ini selalunya akan ditemui pada majlis-majlis keraian dan pada hari raya. Makanan tradisional ini haruslah dipelihara supaya generasi akan datang dapat menikmati makanan tradisional ini. Oleh itu, makanan tradisional ini berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan dengan keunikannya yang tersendiri terutama bagi makanan tradisional masyarakat Banjar seperti wadai kiping, kalakatar dan ikan wadi.



Wadai kiping dan kalakatar



Dodol dan bahulu



Ikan wadi dan pulut hitam

Rajah 9. Gastronomi Lembah Beriah

vi) Perubatan Tradisional

Bagi aset pelancongan perubatan tradisional pula peratus keseluruhan adalah sebanyak 20.85% iaitu pada tahap rendah kerana hanya terdapat beberapa orang sahaja yang masih memberi khidmat perubatan tradisional ini iaitu di Kampung Parit Haji Kassim dan Kampung Bukit Merah. Perubatan tradisional yang terdapat di Lembah Beriah adalah minyak angin dan urutan (Rajah 10). Terdapat bidan kampung yang menghasilkan minyak angin dan dijual kepada komuniti setempat. Bagi urutan pula lebih menjurus kepada urutan ibu selepas bersalin dan kecederaan ringan seperti terseluh. Perubatan tradisional ini berpotensi sebagai produk pelancongan di Lembah Beriah kerana masih terdapat masyarakat yang memilih perubatan tradisional bagi merawat sesetengah penyakit.



Rajah 10. Tukang urut tradisional

vii) Industri Kecil dan Sederhana (IKS)

Aset pelancongan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) juga memainkan peranan yang penting bagi membangunkan industri pelancongan di Lembah Beriah. Hasil IKS komuniti setempat boleh dipromosikan dan dipasarkan ke luar sekaligus meningkatkan ekonomi mereka. Aset pelancongan IKS ini mempunyai peratusan keseluruhan sebanyak 35.33% iaitu pada tahap rendah. Antara IKS yang dijalankan oleh komuniti setempat adalah perusahaan tongkol kayu, rempeyek, kuih tradisional seperti kuih karas, bahulu dan peneram serta ikan pekasam (Rajah 11). Responden yang aktif dalam IKS ini adalah dari Kampung Parit Haji Kassim, Kampung Parit Lebai Kadir dan Kampung Bukit Merah. Aset pelancongan IKS ini berpotensi sebagai produk pelancongan sekaligus menjadikan Lembah Beriah sebagai kawasan pelancongan yang unik dengan produk IKS tersendiri.



IKS ikan pekasam



IKS bahulu



IKS tongkol kayu

Rajah 11. Keluaran Industri Kecil Lembah Beriah

viii) Kearifan Tempatan

Akhir sekali, aset pelancongan dari aspek kearifan tempatan mempunyai peratusan keseluruhan sebanyak 53.5% iaitu pada tahap sederhana. Kearifan tempatan di Lembah Beriah yang terkenal dalam kalangan komuniti setempat adalah rewang, memasak cara kampung, nasi apollo dan pertukangan. Kearifan tempatan ini berpotensi sebagai produk pelancongan di Lembah Beriah kerana mempunyai keunikannya yang tersendiri seperti nasi apollo yang di masak ketika majlis-majlis tertentu sahaja. Nasi apollo ini hanya terdapat di Kampung Batu 38 dan dijalankan secara bergotong-royong dengan komuniti setempat. Suasana yang harmoni dan masih mengekalkan suasana tradisional ini mampu menarik pelancong luar datang ke Lembah Beriah sekaligus membangunkan industri pelancongan berasaskan komuniti.




Memasak cara kampung dan rewang



Nasi apollo

Rajah 12. Kearifan tempatan

Kesemua aset pelancongan yang terdapat di Lembah Beriah ini berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan dengan tarikan dan keunikan yang tersendiri. Komuniti setempat dan pihak berkepentingan haruslah merancang dengan baik bagi membangunkan kawasan ini sebagai salah satu tempat tarikan bagi pelancongan luar bandar. Kepelbagaiannya aset yang terdapat di Lembah Beriah ini haruslah dipelihara supaya ia kekal dan boleh dinikmati oleh generasi akan datang (Rajah 13).




Rajah 13. Pemetaan aset pelancongan Lembahn Beriah

Pendekatan Membangunkan Aset Pelancongan

Berdasarkan hasil kajian mendapati bahawa pendekatan *homestay* dan *kampungstay* secara *bottom up* atau bawah ke atas adalah sesuai bagi pembangunan pelancongan di Lembah Beriah ini (Rujuk Rajah 19). Hal ini kerana program *homestay* dan *kampungstay* merupakan satu inisiatif Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan masyarakat luar bandar dalam sektor pelancongan sekaligus meningkatkan pendapatan mereka. *Homestay* merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah pengusaha *homestay* yang telah berdaftar dan pelancong berpeluang untuk berinteraksi serta mengalami gaya hidup sehari-hari masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Konsep utama yang ditekankan adalah lebih kepada produk pelancongan *lifestyle* atau yang berunsurkan pengalaman (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia 2016).

Manakala *kampungstay* pula merupakan satu bentuk pengalaman di mana pelancong disediakan dengan kemudahan penginapan tetapi tidak tinggal bersama tuan rumah (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia 2016). Kemudahan kediaman ini disediakan di sekitar kampung bagi memberi peluang kepada pelancong untuk menikmati kehidupan dan keindahan kampung. Namun, matlamat pembangunan *homestay* dan *kampungstay* adalah sama iaitu memajukan sektor pelancongan luar bandar.



Rajah 14. Pendekatan membangunkan aset pelancongan Lembah Beriah

Berdasarkan kajian yang dijalankan (Rajah 14 dan jadual 5) didapati beberapa kampung di Lembah Beriah iaitu Kampung Bukit Merah, Kampung Parit Lebai Kadir, Kampung Parit Haji Kassim, Kampung Simpang Lima dan Kampung Batu 38 sesuai untuk dibangunkan produk pelancongan *homestay*. Hal ini kerana kampung-kampung ini mempunyai kepelbagaiaan asset pelancongan yang berpotensi dimajukan. Program *homestay* ini memberi pelancong pengalaman hidup di kampung dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan asset pelancongan alam semulajadi seperti turun ke sawah padi, melawat ladang kelapa sawit, memancing di tasik atau sungai dan menaiki basikal menikmati keindahan kampung. Pelancong yang tinggal di *homestay* dapat menikmati pelbagai aktiviti yang telah disusun mengikut tuan rumah dengan lebih teratur.

Bagi *kampungstay* pula terdapat empat kampung yang sesuai iaitu Kampung Parit Haji Ali, Parit Haji Taib, Kampung Permatang Pasir dan Kampung Changkat Lobak. Hal ini kerana kampung-kampung ini mempunyai suasana dan persekitaran kampung yang indah dan tenang. Pelancong yang

Jadual 5. Aktiviti Di Setiap Kampung Mengikut Aset

PENDEKATAN: HOMESTAY DAN KAMPUNG STAY SECARA ‘BOTTOM UP APPROACH’									
	Batu 38	Changkat Lobak	Bukit Merah	Lebai Kadir	Permatang Pasir	Pt. Hj. Kassim	Pt. Hj. Ali	Pt. Hj. Taib	Simpang Lima
Alam semulajadi (aktiviti lawatan, menaiki bot, memancing dan sightseeing, belajar menanam padi secara tradisional, menggodak ikan)	Kelapa sawit	Kelapa sawit	Tasik	Sawah padi Kelapa sawit	Kelapa sawit Sungai	Sawah padi Kelapa sawit Sungai Udang galah	Sawah padi Parit	Sawah padi	Sawah padi Kelapa sawit
Budaya dan warisan (pelancong dapat melihat persembahan silat dan majlis kenduri di kampung)	Silat Majlis keraian	Majlis keraian	Silat Majlis keraian	Majlis keraian	Majlis keraian	Majlis keraian	Majlis keraian	Majlis keraian	Majlis keraian
Hasil kraftangan (aktiviti membuat bedak sejuk dan membuat alatan tangkapan ikan seperti pancing, bubu serta aktiviti menganyam bakul daripada rotan)			Bedak sejuk Alatan tangkapan ikan	Anyaman bakul Alatan tangkapan ikan		Alatan tangkapan ikan	Bedak sejuk		
Permainan tradisional (pelbagai permainan tradisional boleh di main seperti congkak,	Memancing		Memancing	Memancing		Memancing	Memancing		

tinggal di *kampungstay* dapat menikmati suasana sawah padi di kampung dengan selesa dan bebas tanpa terikat dengan aktiviti tuan rumah. Walau bagaimanapun, pembangunan program *homestay* dan *kampungstay* di kampung-kampung ini boleh saling melengkapi antara satu sama lain mengikut aset pelancongan yang terdapat di kampung masing-masing dan kesesuaian aktiviti yang dijalankan. Komuniti setempat dapat bekerjasama mengikut kepakaran dan kemahiran masing-masing sekaligus terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam pembangunan pelancongan di Lembah Beriah. Hal ini juga dapat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka. Keunikan aset pelancongan yang terdapat di setiap kampung juga dapat ditonjolkan dan menjadi tarikan pelancong.

Pendekatan *bottom up* juga membantu komuniti Lembah Beriah untuk membangunkan aset pelancongan sedia ada dengan lebih cekap. Pendekatan *bottom up* merujuk kepada inisiatif dan kreativiti komuniti setempat dalam membangunkan aset pelancongan sedia ada di Lembah Beriah dengan pantauan dan tunjuk ajar dari pihak berkepentingan. Pendekatan *bottom up* ini dapat memberi peluang kepada komuniti setempat bersama-sama dalam membuat keputusan, perancangan dan pengurusan dalam pembangunan pelancongan yang dilaksanakan di tempat mereka. Pertukaran pengalaman, pengetahuan dan kemahiran antara pihak berkepentingan iaitu kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti dapat menjayakan pembangunan pelancongan berasaskan komuniti dengan baik. Komuniti setempat lebih mahir tentang kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman (SWOT) bagi sumber aset pelancongan di kampung masing-masing. Komuniti boleh sediakan aktiviti berdasarkan kekuatan sumber aset mengikut kampung masing-masing.

Walau bagaimanapun, JKKK bagi setiap kampung memainkan peranan penting bagi melibatkan komuniti dalam pembangunan *homestay* dan *kampungstay* tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja melibatkan setiap anggota komuniti malahan setiap kampung juga dapat meningkatkan ekonomi mereka dengan saling melengkapi antara satu sama lain. Perancangan dan strategi dalam pembangunan pelancongan dengan kerjasama pihak berkepentingan dapat menjayakan pendekatan pembangunan *homestay* dan *kampungstay* secara *bottom up* ini di Lembah Beriah.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan Lembah Beriah mempunyai pelbagai sumber aset yang berpotensi sebagai produk pelancongan yang unik dan menarik seperti sawah padi, sungai, kuih tradisional masyarakat Banjar, ikan arowana, majlis keraian dan kearifan tempatan. Pendedahan awal dan maklumat tentang sumber aset yang berpotensi sebagai produk pelancongan juga adalah sangat penting supaya komuniti setempat mengetahui bahawa Lembah Beriah mampu dibangunkan sebagai kawasan pelancongan selain bergantung kepada Laketown Resort Bukit Merah sahaja. Kepelbagaiannya aset pelancongan ini mampu menjadikan Lembah Beriah sebagai salah satu kawasan pelancongan di Perak. Kesemua sumber aset berpotensi dibangunkan sebagai produk pelancongan dengan penglibatan komuniti setempat, pihak berkepentingan dan pendekatan yang sesuai. Kepelbagaiannya aset pelancongan ini haruslah dipelihara supaya terus berkembang dan tidak pupus ditelan zaman terutama bagi aset pelancongan makanan tradisional, permainan tradisional, budaya dan warisan serta kearifan tempatan yang kebanyakannya merupakan kemahiran golongan berusia. Pembangunan sektor pelancongan dapat membuka pelbagai peluang kepada komuniti setempat sekaligus meningkatkan ekonomi mereka.

Rujukan

- Afifah Arifin (2013). Kesediaan masyarakat dalam pembangunan homestay. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Basri Rashid. (2013). Elemen destinasi dan kesan terhadap pengalaman percutian. *Malaysia Journal of Society and Space* 9 (4):118-127.
- Buhalis D (2000). Marketing the competitive destination of the future. *Tourism Management* (21):97-116.

- Buhalis D & Molinaroli E (2003). Entrepreneurial networks and supply communities in the Italian etourism. *Information Technology & Tourism* 5(3): 175-184.
- Er Ah Choy, Rosniza Aznie Che Rose, Novel Lyndon, Mohd Azlan Abdullah & Adam JH. (2012). Ekopelancongan dan analisis sosioekonomi komuniti Ulu Dong. *Malaysia Journal of Society and Space* 8 (9):46-52.
- Er Ah Choy (2013). Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. *Malaysia Journal of Society and Space* (3): 12-23.
- Fatimah Hassan, Zuraini Zakaria, Norsuhana Abdul Hamid, Main Rindam & Fatan Hamamah Yahya (2013) Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berdasarkan pelancongan sumber setempat. *Malaysian Journal of Society and Space* 9(2): 35-49.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Mushrifah Idris, Amriah Buang, Nur Amirah Kamarus Zaman, Sri Winarni Samsir & Ahmad Nazrin Aris Anuar (2013). Pemerkasaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. *Malaysian Journal of and Space* 3(3): 80-94.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Chamhuri Siwar, Amriah Buang, Mohamad Shukri Hj Noor, Shahrudin Mohd Ismail & Zairin Akma Zolkapli (2011). Pelancongan budaya di Koridor Ekonomi Wilayah pantai Timur (ECER): Isu dan cabaran. *Malaysian Journal of Society and Space* 7: 180-189.
- Harifah Mohd Noor, Rosmiza Mohd Zainal, New Gaik Ling, Jabil Mapjabil, Ruzila Ismail, Badariah Ab Rahman & Mohd Jirey Kumalah. Faktor budaya dan bukan budaya dalam mempengaruhi lawatan ulangan: Kajian kes pelancong asing Pulau Pinang. *Malaysia Journal of Society and Space* 11 (12):52-63.
- Jabil Mapjabil, Mohamad Pirdaus Yusoh & Rosmiza Zainol (2012). Implikasi sosioekonomi pembangunan pelancongan penyelaman skuba terhadap komuniti pulau di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Malaysian Journal of Society and Space* 8(5): 26-38.
- Jabil Mapjabil, Siti Asma Mohd Rosdi, Munir Shuib & Sharmini Abdullah (2011). Pembangunan program homestay di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia: Profil, produk dan prospek. *Malaysian Journal of Society and Space* 7(2): 45-54.
- Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd Nor (2005). Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: Program homestay di Kedah. *Akademika* 67: 75-100.
- Liedewij & Breugel (2013). Community-based tourism: local participation and perceived impacts: a comparative study between two communities in Thailand. Tesis Sarjana, Social and Cultural Science, Faculty of Social Sciences, Radboud University Nijmegen.
- Mohamed Anwar Omar Din & Zulayti Zakaria (2011). Pelancongan budaya di Malaysia: Membina konsepnya. *Jurnal Melayu* (6):1-11.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal & Mustapa Abu Talip (2015). Kearifan tempatan dan potensinya sebagai tarikan pelancongan berdasarkan komuniti: Kajian kes komuniti Bajau Ubian di Pulau Mantanani, Sabah. *Malaysia Journal of Society and Space* 11(12): 112-128.
- Murphy P, Pritchard M P, & Smith B (2000). The destination product and its impact on traveller perceptions. *Tourism Management* (21):43-52.
- Nur Atiqah Kamarus Zaman, Habibah Ahmad, Nur Amirah Kamarus Zaman, Er Ah Choy, Hamzah Jusoh, Zaini Sakawi & Amriah Buang. 2014. Tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya. *Malaysia Journal of Society and Space* 10(8), 114-123.
- Rosazman Hussin & Velan Kunjuraman (2014). Pelancongan mapan berdasarkan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Malaysian Journal of Society and Space* 10(3), 160-174.
- Salleh NHM, Othman R & Idris SHM (2012). Penglibatan komuniti Pulau Tioman dalam bidang keusahawanan pelancong dan peranan insentif pelancongan. *Journal of Tropical Marine Ecosystem* 2, 57-71.
- Smith SLJ (1994). The tourism product. *Annals of Tourism Research* 21(3):582-595.

- Shui Wei, Xu Xueyi, Wei Yali & Wang Xinggui (2012). Influencing factors of community participation in tourism development: A case study of Xingwen world Geopark. *Journal of Geography and Regional Planning* 5(7):207-211
- Tosun C (2000). Limits to community participation in the tourism development process in developing countries. *Tourism Management* 21: 613-633.
- UNWTO (2016). Annual Report 2015. http://cf.cdn.unwto.org/sites/all/files/pdf/annual_report_2015_lr.pdf
- Vesna D, Ivana V, Sanja T & Jelincic D A (2014). Responsible community based ecotourism initiatives in protected rural areas of the Balkans: Case studies from Serbia and Croatia. *American Journal of Tourism Management* 3(1), 51-63.